

Ucapan Huguan Siou YB. Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, JP.
Presiden Persatuan Kebudayaan Kadazandusun
(KDCA)

Sempena Majlis Makan Malam Amal KDCA Cawangan Tg. Aru,
27 November 2005, Atlantis Restoran, Jalan Bundusan,
PENAMPANG.

(Disampaikan oleh Dr. Othman Minudin, Timbalan Presiden KDCA)

Kopivosian om kounsikaan kumaa dikoyu toinsanan, doulu no kumaa di:

1. Datuk Jipanus Molukun, Poniikoon Mangazu Lamai Kotundunan Sodop baino,
2. Datuk Wilfred Bumburing, Kumoduvo Polisidin KDCA,
3. Datuk George Ginibun, Monozibut Tagazo KDCA,
4. Tan Sri Joseph Kurup,
5. Datin Seri Genevive Kitingan,
6. Datuk-Datuk, Datin-Datin om oinsanan tobpinai di nokotindapu ontok sodop diti baino.

Hobi poguhu, maganu zou kosivatan diti, montok monongkotohuod kumaa diozu toinsanan tu nokotindapou ontok sodop baino, montok no do manaak sokodung diti ababazan nazu do KDCA Laan Tanjung Aru.

Tumanud kopoihaan notoimo ku, nazu oh lamai sodop diti montok no do momiukut kousinan pobuzuon kumaa id Koisaan Education Trust Fund (KETF). Trust Fund nopo diti nga tinuidong do KDCA, montok no do papanau do ababazan ngavi poingkavas taangazan balajalan do susumikul ngavi Kadazandusun.

Taangazan tavasi do KETF, poinhansan tomoimo do sokodung mantad toinsanan puu KDCA. Kosompuuvan do puu ngavi KDCA, montok manakadai do ababazan ngavi KETF, kopogovit kahansanan di hobi ginazo, montok popoingkavas po do kosigompoton balajalan susumikul tinau dotokou.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,
Sepertimana yang kita sedia maklum, Koisaan Koubasanan Kadazandusun atau singkatnya kita sebut sebagai "KOISAAN", merupakan badan sukarela masyarakat Kadazandusun. Badan ini hanya bergantung kepada kekuatan ahli-

ahlinya untuk menjalankan kegiatan-kegiatan. Sama seperti badan-badan bukan kerajaan yang lain, KOISAAN mendapatkan sumber kewangan daripada sumbangan ahli-ahli dan para dermawan.

Justeru, dengan terlaksananya Majlis Makan Amal pada malam ini, kita berharap ianya dapat membiayai sebahagian lagi program-program galakan pendidikan yang telah dirancang oleh KOISAAN. Tahniah, saya ucapkan kepada KDCA cawangan Tanjung Aru kerana berjaya mengadakan kegiatan seperti ini.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa sejak 10 tahun yang lalu, pelbagai program galakan pendidikan telah dianjurkan oleh KOISAAN. Program-program itu termasuklah "Anugerah Pelajar Cemerlang Huguan Siou" dan aktiviti-aktiviti mengumpul dana untuk tabung KETF. Kegiatan-kegiatan ini telah menjadi tambahan kepada pelbagai program lain KOISAAN seperti seminar, bengkel, homestay, kerjasama dengan badan budaya antarabangsa, Perayaan Kaamatan, Ziarah Nunuk Ragang dan seumpamanya.

Kita bersyukur kepada "KINOROHINGAN" kerana di atas berkat dan restunya juga lah, maka kerja keras ahli-ahli KOISAAN, sedikit sebanyak telah membuahkan hasil. Sebagai contoh, "Anugerah Pelajar Cemerlang Huguan Siou" yang telah dilancarkan pada tahun 1996, telah melahirkan graduan-graduan serta para pelajar Kadazandusun di institusi pengajian tinggi.

Tobpinai kou ngawi,
Sudah menjadi matlamat dan tujuan KOISAAN untuk menjadikan badan ini sebagai jentera, untuk masyarakat Kadazandusun menggembelng tenaga mereka demi mencapai kebaikan bersama. Di dalam KOISAAN, kita dapat mengumpul idea dan tenaga untuk berusaha bersama-sama, mengangkat kehidupan masyarakat kita, sesuai dengan cita-cita pembangunan negara yang digariskan di dalam Wawasan 2020.

Banyak dasar kerajaan yang bila kita perhatikan dengan teliti, seolah-olah ianya berkait rapat dengan masyarakat Kadazandusun yang majoritinya tinggal di kawasan-kawasan luar bandar. Umpamanya mencapai sasaran sifar Ketua Isi Rumah Termiskin (KIRT) menjelang 2009, Halatuju pembangunan Negeri Sabah yang memberi penekanan kepada sektor pertanian, pelancongan

dan pembuatan. Sasaran bagi kesemua dasar ini, lebih cenderung ke arah masyarakat yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar. Dalam konteks penduduk di Negeri Sabah, kawasan luar bandar selalunya berkaitan dengan masyarakat Kadazandusun.

Maka dengan itu, saya mempunyai harapan yang tinggi, agar KOISAAN dapat membantu kerajaan menyempurnakan dasar-dasar yang berkaitan. Kalaupun KOISAAN tidak mempunyai sumber untuk membantu masyarakatnya secara langsung, sekurang-kurangnya KOISAAN dapat menyalurkan laporan-laporan untuk disampaikan kepada pihak kerajaan.

Kepada saudara dan saudari serta para penyumbang amal pada malam ini, kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan. Semoga sumbangan anda pada malam ini akan membawa kita ke dalam suasana masa depan yang lebih cerah dan lebih berbahagia.

Maka dengan kata-kata demikian, dengan penuh harapan yang tinggi, saya dengan sukacitanya merasmikan "Majlis Makan Malam Amal" anjuran KDCA Tg. Aru pada malam ini.

Sekian, terima kasih dan selamat malam.